

Kenapa baru sekarang kerajaan bertindak — PM

Oleh ZULKIFLEE BAKAR dan WAHID HASHIM

(P)

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, tindakan mengharamkan pertubuhan Al-Arqam bukan kerana kerajaan takut kepada pengaruh pertubuhan itu tetapi demi memelihara agama Islam yang sebenar.

Selain itu, katanya, ia juga bagi mengelakkan sikap mendewa-dewakan pemimpin terus wujud dan mendatangkan akibat buruk kepada negara.

“Mungkin mereka yang terlalu fanatik akan melakukan apa juga perkara yang tidak baik,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tinggi UMNO di sini petang ini.

Perdana Menteri mengulas mengenai keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan yang mengharamkan pergerakan Al-Arqam dalam mesyuaratnya di sini, hari ini.

Bagi memperjelaskan bahayanya perbuatan mendewa-dewakan pemimpin itu, Dr. Mahathir mengimbas kembali tindakan keras yang diambil oleh Kerajaan Amerika Syarikat terhadap seorang pemimpin agama di negara tersebut iaitu David Koresh di mana Amerika telah menghantar tentera dan menembak mati beberapa orang dalam usahanya untuk menghalang pemimpin itu.

“Apakah ini bermakna Kerajaan Amerika Syarikat telah takut pada Koresh. Demikian juga jika tindakan

mereka yang lebih besar itu membuktikan bahawa mereka takut kepada Koresh barulah mereka boleh menuduh bahawa kita takut kepada Al-Arqam,” katanya.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan, setakat ini Malaysia belum sampai ke tahap untuk menghantar tentera untuk tujuan itu.

Katanya, apa yang lebih membimbangkan kerajaan terhadap gejala mendewa-dewakan pemimpin ini ialah orang Amerika juga telah terpengaruh dengan ajaran Jim Jones di Guyana.

“Dalam ajaran itu, apabila Jones mengarahkan pengikutnya supaya membunuh diri beramai-ramai mereka sanggup melakukannya,” katanya.

Mendewa-dewakan

Sehubungan itu, tegasnya, ajaran sesat seumpama ini yang mendewa-dewakan pemimpin adalah bahaya bagi masyarakat.

“Sepertimana di Amerika Syarikat, mereka tidak ingin melihat peristiwa semacam ini, kita di sini juga berhak untuk menghindarkan perkara seperti itu berlaku,” katanya.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, adalah jelas kepada kerajaan bahawa ajaran yang dibawa Arqam adalah bertentangan dengan Islam di mana ia sudah sampai ke tahap pemimpin mereka Ashaari mengaku dirinya adalah nabi.

“Atas sebab itulah kita mengambil tindakan...kita tidak takut dengan mereka (Al-Arqam)...terdapat kumpulan lain daripada parti Islam yang

lebih besar yang kita tidak takut,” katanya.

Diminta mengulas mengenai penguatkuasaan yang akan dilakukan berikutan keputusan Majlis Fatwa itu, Dr. Mahathir berkata, perkara itu terserah kepada Peguam Negara untuk menentukan bentuk tindakan yang boleh diambil.

Mengenai tindakan yang akan diambil terhadap mereka yang menyokong pergerakan itu, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan terus memberi peluang kepada mereka yang terlibat supaya memisahkan diri daripada kumpulan itu.

“Ini tidak bermakna mereka tidak boleh memakai serban atau jubah...itu tidak salah tetapi yang salah ialah kepercayaan kepada ajaran Ashaari yang mengaku berjumpa dengan Nabi Muhammad s.a.w bahkan mendakwa Nabi Muhammad datang berjumpa dengannya dan memanggil tuannya,” katanya.

Ditanya adakah keputusan Majlis Fatwa itu sudah terlambat memandangkan Al-Arqam semakin berkembang, Perdana Menteri berkata, ia masih belum terlambat kerana sesuatu fatwa harus dikaji dengan mendalam dan mendapat kata sepakat.

Dalam sidang akhbar itu juga Dr. Mahathir yang diminta mengulas mengenai tindakan Ashaari mengemukakan saman kepada beliau, Perdana Menteri berkata: “Kita rasa ‘gembira’ kerana dia (Ashaari) mendakwa saya di mahkamah dan kita mempunyai bukti cukup untuk membuktikan bahawa kita tidak membuat tuduhan palsu terhadapnya.”